

Wakil BN sokong kriteria pilih calon

Oleh Zulkofli Jamaluddin dan Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa – Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) bersetuju dengan langkah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menentukan calon pilihan raya akan datang berdasarkan kehadiran mereka pada sesi Dewan Rakyat.

Mereka juga sependapat bahawa Ahli Parlimen seharusnya dinilai berdasarkan kepada aspek mutu perbahasan dalam dewan.

Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC), Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, berkata sewajarnya pemilihan calon pilihan raya BN pada masa depan berdasarkan kepada kehadiran dan prestasi di Dewan Rakyat.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Rompin berkata, Ahli-ahli Parlimen dilantik dan dipilih oleh rakyat untuk mewakili masyarakat dan seharusnya mewakili BN di Parlimen dengan penuh tanggungjawab.

“Selain kehadiran, prestasi dan perbahasan juga perlu dititikberatkan dalam menentukan barisan calon pilihan raya,” katanya di lobi Parlimen, hari ini.

Semalam, Dr Mahathir dilaporkan berkata wakil rakyat BN yang sering kali tidak menghadiri sesi Dewan Rakyat, mungkin diketepikan daripada barisan calon pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri membuat

“**Selain kehadiran, prestasi dan perbahasan juga perlu dititikberatkan dalam menentukan barisan calon pilihan raya**”

– Dr Jamaluddin Jarjis

teguran itu berikutan masalah tidak cukup korum yang sering kali dialami di Dewan Rakyat, apabila jumlah wakil rakyat tidak mencukupi untuk meneruskan persidangan.

Jamaluddin berkata, Kelab Penyokong Kerajaan akan meminta semua ahlinya mematuhi arahan Perdana Menteri itu untuk memasti-

kan sokongan kukuh terhadap semua dasar kerajaan di Dewan Rakyat.

Beliau berkata, BBC akan turut menentukan jadual acara khas yang perlu dihadiri wakil rakyat, supaya ia tidak bertentangan dengan persidangan Parlimen sehingga menjejaskan korum.

Timbalan Menteri Tenaga,

Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, pula berkata peringatan itu untuk memastikan semua wakil rakyat dapat memberikan khidmat dengan berkesan.

“Wakil rakyat tidak dapat memainkan peranan jika gagal menghadiri persidangan Dewan Rakyat dan turut serta dalam perbahasan,” katanya yang juga Ahli Parlimen Bandar Tun Razak.

Ahli Parlimen Parit Sulong, Ruhanie Ahmad, berkata kehadiran wakil rakyat parti pembangkang juga harus diambil kira, walaupun mereka sering memperkecilkan kehadiran anggota BN.

Beliau berkata, ketiadaan wakil rakyat pembangkang

sedikit sebanyak turut menjejaskan korum persidangan dan ia sering kali tidak disadari rakyat.

“Ini yang perlu dijelaskan kepada rakyat. Bukan anggota BN saja yang tidak hadir, tetapi pembangkang turut berbuat demikian,” katanya.

Ahli Parlimen Bagan Datok, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata kehadiran wakil rakyat ke Parlimen bukan untuk memanasakan kerusi, sebaliknya terbabit secara aktif dalam perbahasan.

Menerusi cara itu, katanya, pelbagai pandangan bernas dapat disalurkan bagi membolehkan kerajaan mengambil langkah mengatasi setiap masalah berbangkit.

